

Headline	ST belum sedia keluar kenyataan kesalahan TNB		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	29
ArticleSize	62 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,327		



Kuala Lumpur

ST belum sedia keluar kenyataan kesalahan TNB

Suruhanjaya Tenaga (ST) belum bersedia mengeluarkan sebarang kenyataan lanjut berhubung denda dan kesalahan syarikat pembekal tenaga elektrik utama negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Perkara itu dimaklumkan jurucakap ST ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru siasatan terhadap syarikat pembekal tenaga berkenaan.

“Setakat ini tiada sebarang komen dikeluarkan (untuk isu TNB),” katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Pengerusi ST, Datuk Ir Ahmad Fauzi Hasan sebelum ini dilaporkan berkata, pihaknya masih di peringkat akhir siasatan menyenaraikan kesalahan yang dilakukan TNB.